



PERINTAH KEHADIRAN WAJIB (PKW) SEBAGAI HUKUMAN PEMULIHAN BAGI PESALAH SYARIAH

*COMPULSARY ATTENDANCE ORDER AS A REHABILITATION SENTENCE
FOR SYARIAH OFFENDERS*

Nur Zulfah Md Abdul Salam^{1*}, Norazla Abdul Wahab², Hammad Mohamad Dahalan³

¹ Department of Law, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Email: nurzulfah@kuis.edu.my

² Department of Law, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Email: norazla@kuis.edu.my

³ Department of Law, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Email: hammad@kuis.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 01.06.2023

To cite this document:

Salam, N. . M. A., Wahab, N. A., & Dahalan, H. M. (2023). Perintah Kehadiran Wajib (PKW) Sebagai Hukuman Pemulihan Bagi Pesalah Syariah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 124-137.

DOI: 10.35631/IJLGC.832011.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Prosiding jenayah syariah di Mahkamah Syariah dilaksanakan melalui peruntukan yang dinyatakan dalam statut tatacara jenayah negeri masing-masing. Mahkamah Syariah negeri dalam mengadili kes-kes jenayah syariah di Malaysia akan mengenakan hukuman kepada pesalah berpandukan kadar dan bentuk hukuman yang telah dinyatakan dalam Akta Bidang Kuasa Mahkamah Syariah (Pindaan 1965) atau Akta 355. Hukuman yang dikenakan adalah hukuman denda, sebatan dan pemenjaraan. Namun tiada amalan pelaksanaan hukuman pemulihan diberikan kepada pesalah memandangkan kekaburuan dalam peruntukan undang-undang sedia ada. Peruntukan undang-undang hanya memperincikan hukuman pemulihan ataupun alternatif diberikan kepada pesalah muda mengikut tahap usia pesalah muda yang dinyatakan dalam statut negeri masing-masing. Sebagai langkah mengatasi kekaburuan tersebut, kerajaan kini telah menggubal Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) sebagai salah satu alternatif hukuman pemulihian. Pelaksanaan hukuman ini akan memberi ruang kepada pesalah untuk menjalani hukuman di luar penjara melalui PKW yang akan dilaksanakan. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang menggunakan kaedah temubual, separa struktur serta merujuk penulisan-penulisan ilmiah, jurnal dan buku yang berkaitan perbincangan. Isu yang dapat dilihat dalam kajian ini adalah adakah hukuman PKW ini dapat diklasifikasikan sebagai hukuman pemulihan di Mahkamah Syariah memandangkan kaedah pelaksanaannya hampir sama iaitu membekalkan pesalah dengan kerja-kerja khidmat sosial yang mana ianya juga ada dinyatakan sebagai sebahagian bentuk kaedah hukuman dalam Perintah Kehadiran Wajib (PKW). Hasil dapatan kajian adalah memfokuskan bagi

mengumpul satu dapatan terhadap perlaksanaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) sebagai salah satu bentuk hukuman pemulihan dalam jenayah syariah yang selaras dengan konsep hukuman pemulihan dalam perundangan jenayah syariah di Malaysia.

Kata Kunci:

Alternatif, Hukuman Pemulihan, Jenayah Syariah, Pesalah Muda, PKW

Abstract:

Syariah criminal proceedings in the Syariah Court are carried out through the provisions specified in the respective state's criminal procedure statute. State Syariah courts in adjudicating syariah criminal cases in Malaysia will impose punishment on offenders based on the rate and form of punishment that has been stated in the Jurisdiction of Syariah Courts Jurisdiction (Amendment 1965) Act or Act 355. The punishments imposed are fines, flogging and imprisonment. However, there is no practice of rehabilitative punishment given to offenders due to the ambiguity in the existing legal provisions. The provisions of the law only detail the rehabilitation or alternative punishment given to young offenders according to the age level of the young offender stated in the respective state statutes. As a measure to overcome the ambiguity, the government has now enacted the Compulsory Attendance Order Guidelines (PKW) as one of the alternatives to rehabilitative punishment. The implementation of this sentence will give space to offenders to serve their sentence outside of prison through the PKW that will be implemented. This study uses a qualitative methodology that uses semi-structured interview methods and refers to scientific writings, journals and books related to the discussion. The results of the study are focused to collect a finding on the implementation of Compulsory Attendance Order (PKW) as one form of rehabilitative punishment in sharia crimes that is in line with the concept of rehabilitative punishment in sharia criminal legislation in Malaysia.

Keywords:

Alternative, Rehabilitation Punishment, Young Offenders, PKW

Pendahuluan

Di Malaysia, sistem keadilan jenayah adalah unik kerana terdapat dua sistem keadilan jenayah yang berjalan selari namun saling tidak menyokong antara satu dengan yang lain (Hisham, 2014). Ini disebabkan oleh pemakaian khusus satu sistem keadilan tersebut ke atas satu kelompok masyarakat tertentu. Kedua-dua sistem keadilan jenayah tersebut ialah sistem keadilan jenayah Sivil dan sistem keadilan jenayah Syariah (Hisham, 2014). Undang-undang jenayah Islam yang dilaksanakan ketika ini di Malaysia adalah berdasarkan bentuk hukuman takzir yang meletakkan sepenuh budi bicara kepada hakim syarie dalam menentukan bentuk hukuman yang sesuai bagi pesalah. Terdapat tiga bentuk hukuman yang ditetapkan sebagaimana dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (selepas ini disebut sebagai Akta 355) iaitu hukuman denda, penjara dan sebatan. Malah, bagi ketiga-tiga bentuk hukuman ini pula telah dinyatakan jumlah maksimum yang boleh dikenakan kepada pesalah dengan melihat kepada jenis kesalahan yang telah diperuntukan dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri.

Berdasarkan kenyataan ini, dapat dikatakan Mahkamah Syariah mempunyai kuasa prerogatif dan mutlak dalam membuat keputusan melalui kesalahan-kesalahan jenayah syariah yang tertakluk dalam bidangkuasanya. Namun, setiap penghakiman yang diputuskan pula, mestilah merangkumi dalam falsafah syariah yang menyentuh enam aspek penjagaan kehidupan manusia iaitu akidah (agama), jiwa, kehormatan, fikiran, harta dan zuriat. Menurut pandangan penulis, objektif kepada hukuman jenayah syariah adalah bersifat mendidik dan mendatangkan keinsafan serta memulihkan pesalah kepada fitrah kejadian manusia yang perlu mematuhi setiap kehendak dan larangan syarak (Ayidh Awwadh, 2022).

Dalam kajian Muhammad (2018) menerangkan hukuman dalam Islam terbahagi kepada dua iaitu hukuman retributif dan hukuman restoratif. Hukuman yang sering diperkatakan ialah bersifat retributif iaitu bersifat menghukum pesalah di atas kesalahan beliau yang lalu. Manakala hukuman restoratif pula membawa maksud hukuman yang bersifat memulih (rehabilitasi) tetapi tidak begitu popular dalam undang-undang Islam di Malaysia. Prosiding jenayah syariah di Mahkamah Syariah dilaksanakan melalui peruntukan yang dinyatakan dalam statut tatacara jenayah negeri masing-masing. Mahkamah Syariah negeri dalam mengadili kes-kes jenayah syariah di Malaysia akan mengenakan hukuman retributif kepada pesalah berpandukan kadar dan bentuk hukuman yang telah dinyatakan dalam Akta Bidang Kuasa Mahkamah Syariah (Pindaan 1965) atau Akta 355. Hukuman retributif yang dikenakan adalah hukuman denda, sebatan dan pemenjaraan. Namun, bentuk hukuman pemulihan sebagai ganti atau alternatif kepada hukuman retributif ada diberikan kepada pesalah. Contohnya bagi melibatkan kes pesalah muda. Hukuman Alternatif dapat memberi pilihan kepada Mahkamah Syariah dalam menghadapi keterbatasan bentuk hukuman sedia ada dengan matlamat untuk memulihkan pesalah berbanding menghukum mereka semata-mata (Hashim & et al, 2018).

Bentuk hukuman alternatif yang sering diberikan ialah dengan bon berkelakuan baik atau dilepaskan dengan nasihat atau teguran. Hukuman yang dimaksudkan ialah hukuman alternatif berbentuk perintah pemulihan yang merangkumi hukuman perintah khidmat masyarakat, bon berkelakuan baik, kaunseling, kelas fardu ain, kelas pemantapan akidah, program di masjid dan sebagainya. Ianya lebih dikenali sebagai hukuman pemulihan. Berdasarkan teks penghakiman yang ada, prosiding kes jenayah syariah di mahkamah syariah didapati diputuskan secara teliti dan diadili sebaiknya. Bentuk hukuman yang biasa ditentukan pula adalah hukuman denda berbanding hukuman sebatan dan penjara. Malah hukuman pemulihan hanya diberikan kepada kes-kes yang tertentu sahaja. Sehubungan dengan itu, Perintah Kehadiran Wajib (PKW) diperkenalkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada tahun 2020 sebagai metod menggantikan hukuman pemenjaraan kepada pesalah syariah. Punca kuasa bagi pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) Pesalah Syariah ini adalah Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 (Akta 461) sepertimana yang digunakan di Mahkamah Sivil.

Namun wujud tanda tanya dan persoalan apakah perbezaan pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) di Mahkamah Syariah ini dengan pelaksanaan hukuman pemulihan? Secara jelasnya, hukuman pemulihan di Mahkamah Syariah merupakan satu hukuman alternatif yang boleh dikenakan kepada pesalah muda bagi menggantikan hukuman pemenjaraan atau diberikan kepada mana-mana pesalah berdasarkan budi bicara hakim perbicaraan dengan mengambil kira fakta-fakta material yang ada. Namun, pelaksanaan hukuman pemulihan ini juga jarang diberikan kepada pesalah dan kebiasaannya Mahkamah Syariah hanya menghukum dengan denda. Justeru, bagaimana pula Perintah Kehadiran Wajib (PKW) ini ingin dilaksanakan sedangkan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum dengan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) ini adalah kesalahan-kesalahan yang sama yang boleh dihukum dengan hukuman

denda, penjara, sebat dan termasuklah hukuman pemulihan seperti penempatan di pusat-pusat pemulihan yang digazetkan dalam Enakmen Jenaya Syariah Negeri-negeri. Berbeza pula, dengan sistem perundangan sivil di Malaysia telah mengorak langkah dalam memperbaiki dan menaiktaraf sistem penghakiman daripada menghukum pesalah jenayah semata-mata kepada pemulihan (Salam et al., 2021b) seperti dengan pelaksanaan parol atau perintah khidmat masyarakat. Malah, objektif pemulihan ini diambilkira dan diberikan pertimbangan oleh mahkamah sebelum sesuatu hukuman dijatuhkan dengan harapan agar pesalah tidak akan mengulangi semula perbuatan jenayah selepas mereka dibebaskan (Hashim et al., 2021).

Permasalahan Kajian

Undang-undang jenayah syariah kini bukanlah suatu undang-undang yang semberono ataupun suatu pemerintah oleh agamawan yang tidak dipandu oleh suatu sistem yang teratur. Berbanding suatu ketika dahulu semua undang-undang sama ada jenayah ataupun mal semuanya diumpukan di dalam satu undang-undang sahaja iaitu Undang-Undang Pentadbiran seperti Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Selangor) 2003. Namun begitu dari sudut hukuman pula perundangan jenayah syariah masih berada di takuk lama sejak tahun 1984 lagi (Bakar, 2019).

Sejak tahun tersebut hukuman yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah hanyalah tiga bulan penjara, lima ribu ringgit denda dan enam kali sebatan syariah. Hal yang demikian adalah disebabkan Akta 355 menghalang Dewan-Dewan Undangan Negeri seluruh Malaysia menggubal undang-undang kesalahan jenayah syariah yang mana hukumannya melebihi kadar yang disebut tadi. Malah Akta 355 yang hanya memberi kuasa membuat hukuman yang berbentuk tradisional (denda, penjara dan sebatan) sahaja menghalang bentuk-bentuk hukuman pemulihan lain seperti kerja komuniti, khidmat masyarakat, hukuman berbentuk pengajaran dan banyak lagi. Selagi Akta 355 ini tidak dipinda ia tidak memberi laluan kepada Dewan Undang Negeri lebih kreatif menyediakan bentuk hukuman yang lebih baik (Bakar, 2019). Walaupun demikian, hakim syarie masih mempunyai beberapa ruang peruntukan untuk melaksanakan hukuman lain selain daripada hukuman tersebut dengan menggunakan kuasa budi bicara dan sedia ada yang telah digariskan. Merujuk Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, hakim diberi kuasa budi bicara dalam memperuntukkan hukuman terhadap pesalah kali pertama, pesalah wanita atas kesalahan tatasusila, pengakuan salah menafikan rayuan, mitigasi, pesalah muda atau kanak-kanak, sabitan terdahulu dan semakan semula pada peringkat rayuan. Kesan peruntukan tersebut telah memberikan ruang kepada hakim untuk meringankan hukuman sedia ada atau menggantikan dengan hukuman lain (Bahori et al., 2017). Hukuman lain yang dimaksudkan ialah hukuman pemulihan yang menggantikan hukuman sedia iaitu denda, sebatan dan pemenjaraan. Walau bagaimanapun, sehingga hari ini tiada dari mana-mana statut Mahkamah Syariah yang menunjukkan tafsiran yang solid dan jelas berkenaan hukuman alternatif dan pemulihan di Mahkamah Syariah. Malah pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) Pesalah Syariah ini juga menimbulkan persoalan adakah ianya sama definisnya dengan hukuman pemulihan yang telah dilaksanakan di Mahkamah Syariah bagi menggantikan hukuman sedia ada.

Objektif Kajian

Penulisan ini menjurus kepada tiga objektif iaitu yang pertama; membincangkan definisi Perintah Kehadiran Wajib. Kedua, mengenalpasti konsep hukuman pemulihan. Ketiga, membincangkan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) sebagai bentuk hukuman pemulihan di Mahkamah Syariah.

Skop Dan Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif tinjauan yang melibatkan kajian kepustakaan. Sumber data diperolehi melalui penulisan-penulisan berkaitan fiqh, undang-undang dan perundangan Islam serta jurnal, teks penghakiman dan statut- statut berkaitan. Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) Pesalah Syariah, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah negeri-negeri, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 dan Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah Pindaan (2022) (Akta A1660) digunakan sebagai rujukan utama kerana hampir kebanyakan dapatan kajian adalah melalui sumber- sumber ini. Oleh kerana kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya, kebanyakan data dianalisis secara induktif melalui rumusan dari data-data yang diperolehi melalui sumber-sumber berkenaan. Kesemua data dan maklumat tersebut kemudiannya dianalisis melalui kaedah analisis kandungan dalam mengenalpasti permasalahan dan dapatan serta mencadangkan penyelesaian. Tempoh pelaksanaan kajian ini adalah bermula pada tahun 2022 sehingga 2023.

Sorotan Kajian

Secara umumnya skop undang-undang Islam yang dilaksanakan di Malaysia telah digariskan oleh Perlembagaan Persekutuan. Skop undang-undang Islam yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan adalah dijelaskan dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, Fasal 1, yang memperuntukkan:

“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuklah hukum Syarak berhubungan dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat yang dijalankan kesemuanya sekali dalam Negeri; adat istiadat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan dan acara bagi mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.”

Dalam kajian Salam et al. (2021a) menjelaskan bahawa undang-undang Islam hanyalah boleh dilaksanakan setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan. Kajian Azhar & et al., (2012) mengklasifikasikan skop Undang-Undang Islam yang dibenarkan ini meliputi Undang-Undang Keluarga; Baitulmal, Zakat Fitrah Dan Harta Wakaf; Masjid-Masjid; kesalahan-kesalahan yang melibatkan orang Islam; Mahkamah-Mahkamah Syariah dan bidangkuasa; kawalan pengembangan ajaran agama; dan hal-hal mengenai fatwa, kekeluargaan, kehartaan dan jenayah. Seterusnya, Salam et al. (2021a) menjelaskan punca kuasa bagi pelaksanaan undang-undang Jenayah Islam pula diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran negeri masing-masing. Seksyen 2, Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa) 1965 Pindaan 1988 (Akta 355) yang menyatakan bahawa kesalahan hanya boleh disabitkan kepada orang yang beragama Islam sahaja. Sebagaimana yang disebut di dalam Senarai 2, Jadual ke-9, Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam sahaja. Hukuman yang boleh dijatuhkan bagi kesalahan-kesalahan tersebut pula adalah penjara

tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi RM 5,000 atau sebatan tidak melebihi 6 kali atau mana-mana gabungan hukuman tersebut. Maka di sini jelas bahawa bidang kuasa dan hukuman bagi kesalahan jenayah di Mahkamah Syariah adalah rendah jika dibandingkan dengan bidang kuasa yang diperuntukkan dalam sistem Mahkamah Sivil (Salam et al., 2021b).

Dalam kajian Ismail et al. (2016) pula menjelaskan mahkamah Sivil di Malaysia mempunyai bidang kuasa berkaitan kesalahan jenayah berdasarkan Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91) dan Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92). Apabila membincangkan bidang kuasa mahkamah Sivil, maka perlu disebut bahawa terdapat 3 peringkat mahkamah iaitu mahkamah Tinggi, mahkamah Sesyen dan mahkamah Majistret. Ini kerana bidang kuasa ketiga-tiga mahkamah berhubung kes jenayah adalah berbeza. Namun, bidang kuasa maksimum bagi mahkamah-mahkamah Sivil ini merangkumi semua jenis kesalahan selain daripada kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman mati. Manakala hukuman maksimum pula adalah apa-apa hukuman yang dibenarkan oleh undang-undang selain hukuman mati. Ini jelas menunjukkan perbezaan antara bidang kuasa mahkamah Sivil dan Syariah.

Jadual 1 berikut menjelaskan perbezaan punca kuasa, bidang kuasa, bidang kuasa jenayah, kategori pesalah dan mahkamah bicara bagi kes jenayah di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.

Mahkamah	Punca Kuasa	Bidang Kuasa	Bidang kuasa Jenayah	Pesalah	Mahkamah Bicara
Mahkamah Sivil	Perkara 74 (1)Perlembagaan Persekutuan	Senarai I, Senarai Persekutuan, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan	Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91) dan Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92).	Orang Islam dan bukan Islam	Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret
Mahkamah Syariah	Perkara 74 (2)Perlembagaan Persekutuan	Senarai II, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan	Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa) 1965 Pindaan 1988 (Akta 355)	Orang Islam sahaja	Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah

Jadual 1: Perbezaan Punca Kuasa, Bidang Kuasa, Bidang Kuasa Jenayah, Kategori Pesalah Dan Mahkamah Bicara Bagi Kes Jenayah Di Mahkamah Sivil Dan Mahkamah Syariah

Sumber: Perlembagaan Persekutuan, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91) dan Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92) dan Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa) 1965 Pindaan 1988 (Akta 355)

Bentuk Hukuman Jenayah Syariah di Mahkamah Syariah

Kajian Abdullah et al. (2019) menegaskan suatu hukuman jenayah syariah itu hendaklah berpaksikan konsep *maqasid al-Syariah* (Objektif Syariah). Ada sesetengah hukuman jenayah syariah yang tidak mencapai objektif dengan hanya meletakkan pesalah dengan hukuman pemenjaraan atau membayar denda. Pegawai penjara juga pernah mendedahkan bahawa sekiranya pesalah tidak dihadamkan dengan hukuman melahirkan keinsafan, hukuman pemenjaraan tidak akan memberi apa-apa kesan dan kemungkinan besar pesalah mungkin

boleh mengulangi kesalahannya kembali. Contoh kesalahan melibatkan akidah, fahaman agama dan kesalahan moral dan tatasusila juga dirasakan perlu kepada bentuk-bentuk hukuman bersifat keinsafan dan pemulihan. Ini adalah kerana, apabila pesalah dapat dipulihkan dan menghayati perkara yang dilarang dan dituntut dalam Islam makanya saksiah, peribadi dan akhlak pesalah juga dapat dibaiki. Ianya didapati berkesan bagi pesalah kesalahan moral. Kesalahan jenayah syariah adalah lebih kepada masalah kefahaman agama, moral yang semestinya melibatkan akhlak pesalah itu sendiri (Salam et al., 2021b). Akhlak penting sebagai indikator atau kayu ukur dalam pembangunan sesebuah tamadun bangsa (Rashid et al., 2015). Hukuman sedia ada ketika ini adalah bersifat retributif yang mana tertuduh mungkin akan didenda, dipenjarakan atau dikenakan kedua-duanya sekali. Namun, ketiga-tiga hukuman ini hanyalah memberikan *jaza'* atau balasan sahaja kepada pesalah. Dimanakah bentuk pemulihan sebagaimana objektif hukuman dalam situasi ini? Wujudnya cadangan pesalah perlu ditempatkan di pusat pemulihan atau melalui tugasan khidmat sosial dan kerja-kerja ummah yang memberikan penglibatan bukan sahaja kepada pihak pemerintah namun masyarakat juga terlibat sama dalam memimpin pesalah-pesalah ini ke jalan dituntut syarak. Ianya secara tidak langsung memberi ruang kepada pesalah-pesalah untuk memperbaiki diri (Salam et al., 2021a) supaya menjadi warga yang patuh terhadap undang-undang dan hukum Syarak. Di pusat pemulihan, kaedah yang dibuat dalam membentuk akhlak adalah memberi tanggungjawab kepimpinan dalam tugasan kepada mana-mana pelatih yang dianggap paling degil. Perubahan sikap dapat dilihat daripada sukar berubah kepada lebih baik, lebih terbuka, mematuhi arahan. Ini disebabkan pelatih itu merasakan tanggungjawab itu merupakan amanah dan dia perlu menjadi contoh kepada pelatih-pelatih yang lain. Baitul Ehsan membangunkan akhlak pelatih melalui subjek adab dan fiqh wanita yang khusus kepada pelatih yang berada di tahap tiga dan empat (Kaminur Nasir 2014). Selain pembelajaran di dalam kelas, pengisian akhlak di BES diterapkan melalui beberapa pengisian lain seperti tazkirah, usrah, perhimpunan pagi, gotong-royong, sambutan hari kebesaran Islam, riadah dan sukan, sesi bimbingan dan kaunseling, kem motivasi, kawad kaki, mandi terapi liang lahad, program khidmat masyarakat, lawatan sambil belajar, kursus praperkahwinan dan ceramah kesihatan (Jodi et al., 2019).

Dapatkan Kajian

Pada 2 Jun 2020, Berita Harian Online ada melaporkan dalam peruntukan setiap negeri ada menyatakan kesalahan kesalahan jenayah syariah bemanduan institusi Islam di setiap negeri bagi melindungi akidah masyarakat khususnya mereka yang beragama Islam bertujuan untuk umat Islam hidup berasaskan ajaran serta pinsip agama dah dapat menghidupkan maqasid syariah. Sebagai umat Islam di Malaysia, Perlembagaan Persekutuan dijadikan sebagai rujukan dan apa yang termaktub di dalam perlembagaan serta peruntukan adalah bertujuan untuk memberi contoh tauladan yang memberi impak positif kepada masyarakat lain (Muhammad, 2020). Di Malaysia, skop undang-undang jenayah syariah terhad setakat kesalahan yang diperuntukkan di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah dan terpakai kepada orang Islam sahaja bagi kesalahan yang berkaitan dengan akidah, kesalahan yang berhubungan dengan kesusilaan dan kesalahan pelbagai. Bagi hukuman yang dikenakan pula terhad kerana Mahkamah Syariah di Malaysia hanya tertakluk kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 (Disemak 1984) dimana menentukan had hukuman maksimum yang boleh dikenakan oleh Mahkamah Syariah. Bagi kesalahan syariah hukuman yang dikenakan penjara tidak melebihi tiga tahun, denda tidak melebihi lima ribu dan hukuman sebatan tidak melebihi enam kali sebatan (Mohamad, 2015).

Hukuman Pemulihan dalam Undang-undang Jenayah Syariah

Pemulihan membawa maksud hal atau perbuatan memulihkan sesuatu kembali seperti biasa (keadaan semula), pengembalian kepada keadaan semula. Istilah pemulihan tidak dinyatakan secara khusus di dalam al-Quran. Namun, jika dirujuk dalam bahasa Arab perkataan Islah adalah paling dekat yang menggambarkan tentang maksud pemulihan iaitu memperbaiki atau memulihkan (Mansor et al., 2019). Dalam undang-undang jenayah syariah ciri utama adalah hukuman sebagai satu pembalasan rasmi yang dimaksudkan dengan rasmi di sini ialah ketentuan kadar serta jenisnya telah ditetapkan oleh syarak. Oleh kerana itu, seseorang Hakim Syarie tidak mempunyai kebebasan dalam tindakannya ketika menjatuhkan apa sahaja hukuman ke atas pesalah di dalam apa sahaja jenis kesalahan jenayah. Ini bererti bahawa Hakim Syarie adalah terikat dengan jenis dan kadar pembalasan yang telah ditetapkan. Selain itu, Hakim Syarie tidak mempunyai hak atau kuasa untuk mengadakan satu hukuman baru atau melampaui kadar hukuman yang telah ditetapkan dalam undang-undang. Konsep hukuman di dalam undang-undang jenayah syariah terdapat cara untuk melakukannya, iaitu dari segi ketetapan jenis dan kadarnya. Tanggungjawab Hakim Syarie ialah memilih jenis hukuman yang difikirkan patut atau sesuai dalam menentukan kadar yang munasabah (Jusoh et al., 2017). Atas faktor limitasi hukuman terdapat juga hukuman berbentuk pemulihan yang dikenakan kepada pesalah jenayah syariah tidak mengira pesalah lelaki maupun wanita. Hukuman pemulihan ini dilihat sebagai hukuman ganti bagi hukuman penjara, denda dan sebatan. Selain dikenakan hukuman asal, hukuman pemulihan ialah hukuman gantian atau pilihan. Perintah Khidmat Masyarakat seringkali dikaitkan dengan hukuman pemulihan. Dalam menjatuhkan hukuman ke atas pesalah syariah, hakim mempunyai panduan menetapkan sesuatu hukuman kepada mereka berdasarkan peruntukan-peruntukan perundangan yang sewajarnya (Nasohah, 2014).

Menurut Jabatan Penjara Malaysia penjara seharusnya dijadikan sebagai hukuman terakhir dalam menegakkan sistem keadilan jenayah syariah. Ini kerana pesalah jenayah syariah adalah merupakan pesalah agama dan seharusnya dipulihkan dengan menggunakan pendekatan keagamaan. Hukuman penjara sedia ada akan memberi impak negatif dan memberi kesan kepada kehidupan pesalah (Jamal, & Hashim, 2016). Dalam artikel Tun Abdul Hamid Mohamad (2017), beliau menyatakan Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan telah memberikan pengasingan kuasa di antara institusi kehakiman sivil dan syariah yang sebelum ini Mahkamah Sivil yang bebas untuk campur tangan dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah menjadi badan yang bebas dan eksklusif dalam menjalankan urusan pengakiman dalam meningkatkan taraf dengan memberikan kuasa eksklusif kepada Mahkamah Syariah tanpa perlu campur tangan daripada Mahkamah Sivil. Pengasingan bidang kuasa ini bertujuan untuk menyelesaikan konflik undang-undang di antara Mahkamah Sivil dan Syariah. Kuasa perundangan dan kehakiman Mahkamah Syariah hanya terhad kepada kuasa peringkat negeri mengikut Senarai 2, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Meskipun Mahkamah Syariah mempunyai kuasa eksklusif, namun perlaksanaan undang-undang Islam masih tetap terbatas. Undang-undang Islam terbatas bidang kuasanya kerana Perkara 4(1) Perlembagaan memperuntukkan mana-mana undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan akan terbatal setakat mana berlaku percanggahan. Begitu juga dengan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1984 menghadkan bidang kuasa jenayah terhad kepada maksimum tiga tahun penjara, denda lima ribu ringgit atau enam sebatan atau gabungan mana-mana hukuman.

Pesalah muda boleh dikenakan hukuman pemulihan dengan penempatan ke pusat pemulihan-pemulihan yang telah diwartakan. Sebagaimana di Negeri Selangor, ianya selari dengan peruntukan dalam Seksyen 53 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 berkenaan kuasa mahkamah untuk mengkomitkan mana-mana yang disabitkan bersalah ke pusat pemulihan atau rumah yang diluluskan. Manakala, Seksyen 128 (1) dan (2) Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 pula memberi kuasa kepada Mahkamah untuk menggantikan apa-apa tempoh pemenjaraan kerana keingkaran membayar denda atau hukuman pemenjaraan untuk mengeluarkan perintah kepada pesalah muda dengan melepaskan pesalah muda tersebut selepas teguran wajar diberikan; atau memerintahkan pesalah muda itu supaya berkelakuan baik selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi dua tahun dengan jaminan daripada kedua ibu bapa atau penjaganya, tertakluk kepada jenis kesalahan yang disabitkan. Selain itu, ibu bapa yang didapati cuai sehingga mengakibatkan anaknya terbabit dengan kesalahan jenayah Syariah juga boleh dikenakan denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit.

Bagi pesalah kali pertama pula, menurut seksyen 129, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 Pertimbangan untuk mengenakan hukuman alternatif juga boleh diberikan oleh hakim apabila melibatkan pesalah kali pertama. Hukuman itu hendaklah sesuatu yang dianggap suai manfaat untuk pesalah berkenaan dengan mengambil kira latar belakang pesalah itu. Dari segi hukuman, jika suai manfaat bagi pesalah kali pertama boleh dikenakan bon berkelakuan baik. Antara faktor yang diambil kira dalam penentuan hukuman ialah usia, watak, latar belakang, kesihatan, umur, keadaan mental dan sebagainya (Jasri & Hashim, 2016). Terdapat negeri yang mengambil pendekatan dengan menghantar pesalah muda ini ke pusat pemulihan contohnya seperti di negeri Terengganu ada pesalah pesalah yang melakukan jenayah syariah dihantar dihantar ke Pusat Pemulihan Akhlak Baitul Ehsan di Selangor terutamanya pesalah muda wanita yang membenarkan ditahan tidak melebihi 6 bulan selain ada dikalangan dilepaskan dengan bon berkelakuan baik (Abdullah et al, 2017). Negeri Selangor telah menubuhkan dua pusat pemulihan di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) iaitu Pusat Pemulihan Akidah Baitul Iman di Ulu Yam bagi pesalah akidah serta Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan di Sabak Bernam khusus untuk pesalah wanita yang disabitkan dengan kesalahan tatasusila.

Perintah Kehadiran Wajib (PKW) Pesalah Syariah

Perintah Kehadiran Wajib (PKW) merupakan satu hukuman yang termaktub dalam perundangan negara Malaysia dibawah Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954. Tafsiran Perintah Kehadiran Wajib; “PKW adalah alternatif hukuman pemenjaraan kepada pesalah yang melakukan kesalahan tertentu untuk menjalani hukuman di luar penjara dengan melaksanakan “kerja wajib” tanpa menjelaskan kehidupan hariannya.” Perlaksanaan program Perintah Kehadiran Wajib (PKW) bermula sekitar tahun 50an setelah Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 (Akta 461) digubal. Pada peringkat awal program ini hanya dilaksanakan di penjara Pulau-pinang, penjara Pudu dan Penjara Taiping. Akta ini kemudiannya telah disemak dan kemudiannya telah dilaksanakan di seluruh Semenanjung Malaysia pada tahun 1991. Sehinggalah pada September 2012 baharu Perintah Kehadiran Wajib (PKW) ini diterima pakai di Mahkamah Majistret dan Sesyen di Sabah dan Sarawak. Objektif pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) adalah seperti berikut:

1. Membantu mengurangkan kesesakan dalam penjara;
2. Program Pemulihan lebih efektif;
3. Memberi peluang supaya pesalah masih lagi boleh bekerja dan mempunyai pendapatan serta masih boleh menyara diri dan keluarga; dan

4. Membantu mengurangkan perbelanjaan kerajaan
5. Mengurangkan impak *prisonization* ke atas pesalah bagi kes hukuman ringan.

Pesalah Perintah Kehadiran Wajib (PKW) dipanggil Pesalah Kehadiran Wajib. Mereka tergolong pesalah yang terlibat dengan kesalahan ringan kali pertama seperti mencuri di pasaraya dalam jumlah yang kecil, merempit tanpa lesen dan yang seumpamanya. Mereka diperintahkan menjalani hukuman dalam keluarga dan berkhidmat kepada masyarakat. Pesalah ini diletakkan dibawah penjagaan Pegawai Pusat Kehadiran Wajib, Parol dan Perkhidmatan Komuniti, Jabatan Penjara Malaysia. Sekiranya pesalah melanggar perintah pensyaratan sewaktu menjalani hukuman, mereka boleh disabitkan dengan kesalahan ‘melanggar perintah’ yang boleh membawa kepada hukuman penjara. Walaubagaimanapun, Perintah Kehadiran Wajib di Mahkamah Syariah tidak pernah dilaksanakan ekoran tiada punca kuasa dan perundangan yang jelas. Justeru pada 22 Jun 2020, dalam persidangan Ketua-ketua Hakim Syarie seluruh Malaysia telah sebulat suara memutuskan untuk menerima pakai Akta 461 di Mahkamah-mahkamah Syariah seluruh Malaysia. Jabatan Peguam Negara melalui surat bertarikh 10 September 2020 kepada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah memberikan pandangan undang-undang bahawa Mahkamah Syariah juga turut berbidang kuasa untuk melaksanakan PKW.

Rentetan dari hal ini, satu Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) bagi Pesalah Syariah telah digubal dan menjadi dokumen/manual yang penting bagi tujuan mengawal selia pelaksanaan PKW secara seragam di seluruh Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia. Garis panduan ini telah dipersetujui dan dimuktamadkan pada 6 April 2021 oleh Persidangan Ketua-ketua Hakim Syarie seluruh Malaysia (Garis Panduan PKW, 2020) Seterusnya, punca perundangan yang jelas bagi pelaksanaan PKW di Mahkamah Syariah ini tiada dinyatakan dalam statut. Namun, rujukan boleh dibuat kepada Seksyen 128 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2003 yang memberi fokus kepada Pesalah kali pertama. Pesalah kali pertama layak untuk dilepaskan dengan cubaan akhlak berkelakuan baik. Mahkamah boleh dengan tidak menghukumnya serta merta tetapi melepaskannya dengan mengikat bon dengan penjamin-penjamin supaya memastikan pesalah itu berkelakuan baik dan hadir sekiranya dipanggil ke mahkamah. Dalam menentukan hal ini mahkamah mengambil kira kepada watak, latar belakang, umur, kesihatan dan keadaan mental pesalah-pesalah.

Praktis Pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) di Mahkamah Sivil

Perintah Kehadiran Wajib (PKW) ini mula dilaksanakan bagi kesalahan jenayah sivil oleh Jabatan Penjara Malaysia pada 1 September 2010 menggunakan Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 (Akta 461). Pada masa kini terdapat 54 buah Pusat Kehadiran Wajib (PKW) di Semenanjung Malaysia dan akan diperluas pelaksanaannya di Sabah dan Sarawak. PKW dikawal selia oleh pegawai penjara yang dilantik dikenali sebagai Pegawai Pusat Kehadiran Wajib (PKW). Objektif utama program ini diadakan antara lainnya bertujuan mengurangkan kos yang perlu ditanggung oleh Kerajaan bagi menampung banduan yang menjalani hukuman kurang daripada tiga bulan, mengurangkan kesesakan dalam penjara, pesalah masih meneruskan penghidupan sehariannya seperti biasa (pekerjaan asalnya), mengurangkan kesan pemenjaraan bagi kesalahan yang ringan dan mengurangkan impak residivis di penjara (Ahmad Daniel, 2020). Indikator keberhasilan Pusat Kehadiran Wajib (PKW) ini dapat dilihat apabila dari 1 September hingga 31 Disember 2010, seramai 136 pesalah telah menjalani hukuman di Pusat Kehadiran Wajib (PKW) di bawah Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954. Seterusnya, dari 1 September hingga Disember 2010, Jabatan

Penjara Malaysia dapat menjimatkan perbelanjaan mengurus pesalah sebanyak RM428,400.00 (RM35.00 x 136 pesalah x 90 hari) (Hashim et al., 2021).

Jadual 2 di bawah menunjukkan Perbezaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Kaedah pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) pesalah syariah adalah merujuk kepada praktis yang dilaksanakan di mahkamah sivil. Justeru, Mahkamah Syariah menggubal Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) pesalah syariah bagi membantu pelaksanaannya. Namun, adalah lebih baik ditentukan bentuk hukuman Perintah Kehadiran Wajib (PKW) yang boleh dilaksanakan. Ianya adalah kerana, hukuman jenayah syariah adalah melalui kesalahan-kesalahan menyalahi hukum dan kehendak agama Islam. Makanya, dalam proses ingin memulihkan, pesalah tersebut sebaiknya dihukum dengan kesalahan yang boleh memberikan kebaikan kepada kerohanian dan sosial pesalah syariah tersebut.

Perbezaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) Mahkamah Sivil Dan Mahkamah Syariah			
Mahkamah	Punca Kuasa	Jenis Kesalahan	Bentuk Hukuman PKW
Mahkamah Sivil	Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 (Akta 461)	Kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan tidak melebihi 3 bulan.	Ditentukan oleh Pegawai Pusat Kehadiran Wajib (PKW)
Mahkamah Syariah	Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 (Akta 461) dan Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib Pesalah Syariah	Semua jenis kesalahan jenayah syariah (kecuali kesalahan matrimoni) termasuk kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman sebat.	Ditentukan oleh Pegawai Pusat Kehadiran Wajib (PKW)

Jadual 2: Perbezaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) Mahkamah Sivil Dan Mahkamah Syariah

Sumber: Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 (Akta 461) dan Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib Pesalah Syariah

Contoh kes Perintah Kehadiran Wajib (PKW) di Mahkamah Sivil

Dalam kes **Pendakwa Raya lwn. Mohd Rezza Muslim Mohd Asri**, Mahkamah Tinggi Malaya, Kangar [Rayuan Jenayah No: 41(H)-10-10-2014], 29 Januari 2015, Hakim Abu Bakar Katar PK, menyatakan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) ini dapat membantu memulihkan pesalah dengan program-program yang diatur dengan memberi intervensi, sesi kaunseling dan memberi khidmat nasihat yang berterusan bagi mengingatkan pesalah supaya dapat berubah tingkahlaku dari negatif kepada positif. Di samping itu, apabila pesalah melakukan kerja-kerja wajib di lokasi kerja wajib ianya diharapkan dapat membantu memulihkan pesalah dengan timbul rasa keinsafan kepada pesalah. Sebagai contohnya apabila pesalah melakukan kerja wajib di rumah orang-orang tua, diharapkan semasa melakukan kerja tersebut akan menimbulkan rasa keinsafan kepada diri pesalah dan memupuk perasaan menghormati antara satu sama lain. Mahkamah ini juga berpendapat dengan adanya Perintah Kehadiran Wajib (PKW), masyarakat sebenarnya memainkan peranan yang penting di dalam membantu program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Masyarakat berganding bahu bersama-sama pesalah dan bukannya dengan memulau atau menjauhkan diri daripada pesalah. Secara tidak langsung masyarakat membantu memulihkan keyakinan dan membina jati diri pesalah. Jabatan

Penjara telah mengenal pasti peranan yang boleh diberikan oleh masyarakat kepada pesalah antaranya ialah memberi khidmat sokong bantu, memberi khidmat kaunseling, menyediakan lokasi kerja wajib dan mengadakan program bersama pesalah.

Penghargaan

Kajian ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan dalam Geran Penyelidikan dan Inovasi (GPIK 2022), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Pusat Penyelidikan KUIS (RMC) dalam meluluskan kajian ini.

Kesimpulan

Berdasarkan objektif pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) ianya mencapai maksud dan matlamat hukuman pemulihan dalam Islam apabila menggariskan beberapa tujuan penting dalam pelaksanaannya seperti mengantikan hukuman pemenjaraan dengan melakukan kerja-kerja sosial, khidmat komuniti dan intervensi bersama masyarakat. Ianya semata-mata untuk menjaga dan memelihara maqasid syariah bagi individu itu sendiri supaya tidak menjelaskan kehidupan sehariannya. Objektif kajian juga tercapai apabila dapat merungkaikan maksud Perintah Kehadiran Wajib (PKW), konsep hukuman pemulihan serta kesamaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) ini dengan hukuman pemulihan sedia ada.

Dalam Perintah Kehadiran Wajib (PKW) Pesalah itu tidak akan kehilangan kerja, tidak dipisahkan dari ahli keluarga namun kekal diberikan bimbingan pemulihan melalui perkhidmatan yang diberikan dalam melaksanakan hukuman PKW. Objektif penghukuman dalam Islam juga tercapai melalui pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib ini (PKW). Sepertimana yang difahami bahawa objektif hukuman dalam Islam bukanlah berpaksikan kezaliman dan rasa sakit sebaliknya bersifat ta'dib atau mendidik pesalah dan menjadi pengajaran yang tepat dan berkesan kepada pesalah lain serta masyarakat awam.. Garis Panduan ini dilihat sangat baik dalam pemerkasaan Mahkamah Syariah dan sistem penghukuman yang adil walaupun acuannya sedikit sebanyak telah dicedok melalui Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah Pindaan (2022) (Akta A1660). Walaubagaimanapun, perlu dilihat semula mengapa dan kenapa pelaksanaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) Pesalah Syariah ini tidak dilaksanakan sehingga kini semenjak Garis Panduan itu ditubuhkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM).

Peruntukan bagi kesalahan jenayah syariah mencukupi untuk memelihara umat Islam dalam perkara yang boleh merosakkan akidah. Pihak bertanggungjawab perlu meningkatkan penguatkuasaan, pentadbiran agama Islam dalam memperkasakan hukuman pemulihan terhadap pesalah jenayah syariah (Sarbini, 2018). Seterusnya, kajian ini boleh menjadi perintis kepada kajian-kajian berkenaan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) pesalah syariah pada masa akan datang serta dalam membuat tinjauan kembali berkenaan praktis dan pelaksanaannya. Hasil kajian ini membuktikan bahawa Perintah Kehadiran Wajib (PKW) adalah satu perintah yang bersifat memulihkan pesalah syariah. Ini kerana perintah ini dikenakan untuk menjaga kemaslahatan manusia sama ada pesalah atau masyarakat. Selain itu, berdasarkan sokongan kes dari Mahkamah Sivil didapati mahkamah juga menyokong pelaksanaan hukuman ini kerana mampu mencapai objektif penghukuman iaitu memperbaiki, memulihkan, mendidik, menghukum, memberi kesedaran dan keinsafan, mencegah dan melindungi masyarakat. Oleh itu, adalah jelas bahawa perintah yang berupa pemulihan dan khidmat masyarakat wajar dilaksanakan di Mahkamah Syariah di Malaysia kerana menepati maqasid syariah dan boleh mencapai objektif penghukuman dalam Islam (Hashim et al, 2021).

Bibliografi

- Abdullah, M. A. H., Shariff, A. A. M., & Yahya, M. A. (2019). Pesalah Muda Dalam Kes Jenayah Syariah Di Malaysia: Kajian Ke Atas Had Umur Pesalah Serta Hukuman Bersifat Pemulihan Dari Perspektif Prinsip Syariah. *Jurnal Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Azhar, A., & Hussain, M. A. (2012). Perluasan skop undang-undang islam di malaysia: aplikasi dan implikasinya: Extending The Scope of Islamic Law in Malaysia: Applications and Its Implications. *Jurnal Syariah*, 20(2), 163-184.
- Artikel 121 (1a): Sejauh Manakah Ianya Menyelesaikan Konflik Bidang Kuasa Antara Mahkamah Syariah Dan Mahkamah Sivil / Tun Abdul Hamid Mohamad.* (2017b, April 11). <Https://Tunabdulhamid.Me/2017/04/Artikel-121-1a-Sejauh-Manakah-Ianya-Menzelesaikan-Konflik-Bidang-Kuasa-Antara-Mahkamah-Syariah-Dan-Mahkamah-Sivil-2/>
- Ayidh Awwadh, A. A. (2022). *The Role Of Adab Al-Sultaniyyah In Fiqh Al-Siyasah Alsaryiyyah: A Comparative Study Between The Works Of Al-Adab Alsultaniyyah And Al-Ahkam Al-Sultaniyyah/Ayidh Awwadh A Alharthi* (Doctoral Dissertation, Universiti Malaya).
- Bahori, A., Ismail, S. Z., & Khalib, N. K. N. M. (2017). Keperluan Hukuman Alternatif Terhadap Penyelesaian Krisis Akhlak Di Malaysia; Analisis Pendekatan Undang-Undang Syariah. *Human Sustainability Procedia*.
- Bakar, Z. R. A. (2019, September 28). *Menjiwai Perundangan Jenayah Syariah*. Sinar Harian. <Https://Www.Sinarharian.Com.My/Article/49779/Menjiwai-Perundangan-Jenayah-Syariah>
- Hashim, H., & Jamal, J. (2018). Pelaksanaan Hukuman Alternatif Di Mahkamah Syariah: Keperluan Kepada Pemantapan Peruntukan Perundangan Dalam Akta/Enakmen Syariah Negeri-Negeri. *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat*, 2017(S).
- Hashim, H., Shah, H. A. R., Baharuddin, A. S., Sahid, M. M., & Hussin, S. (2021). Program Pemulihan Luar Penjara Bagi Pesalah Jenayah Syariah: Kajian Di Jabatan Penjara Malaysia. *The International Journal Of Islamic Studies (Islamiyyat)*.
- Hisham, R.B. (2014). Kertas Kerja: Keberkesanan Konsep Pemulihan dan Keadilan Restoratif dalam Hukuman. *Seminar Undang-Undang dan Masyarakat II: Menambahbaik Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah di Malaysia pada 3 April 2014 bertempat di Auditorium Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*.
- Ismail, N. B., & Samuri, M. A. A. (2016). Prospek Perintah Khidmat Masyarakat Di Mahkamah Syariah. *Islamiyyat*, 38(1), 78.
- Jamal, J., & Hashim, H. (2016). Hukuman Alternatif Di Mahkamah Syariah: Keperluan Penambahbaikan Peruntukan Perundangan Syariah Negeri-Negeri. *Malaysian Journal Of Syariah And Law*.
- Jodi, K. H. M., & Mansor, N. H. (2019). Kesediaan remaja hamil luar nikah terhadap program kerohanian di pusat perlindungan wanita. *Islamiyyat*.
- Jusoh, M. M., Sarip, M. M., & Ismail, W. A. F. W. (2018). Kelangsungan Syariat Islam Menerusi Perundangan Malaysia. *Al-Hikmah*, 10(1), 95-118.
- Mansor, N. H., & Jodi, K. H. M. (2019). Pengalaman Proses Pemulihan Terhadap Perubahan Tingkah Laku Penghuni Di Baitul Ehsan Dan Dar As-Sa'adah.
- Mohamad, N. I. (2015). Khalwat: keperluan kepada hukuman sebat dan alternatif. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 19, 1.
- Muhammad, R. W. (2018). Keadilan Restoratif Dan Retributif Dalam Syariah Dan Di Malaysia: Satu Sorotan. *Journal Of Contemporary Islamic Law*, 3(1), 35-41.

- Nasohah, Z. (2012). *Pentadbiran Undang-Undang Islam Di Malaysia: Peruntukan Akta Dan Enakmen*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sarbini, M. (2018). Kesediaan Malaysia Dalam Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam: Kajian Kes Ke Atas JKSM. *Pulau Pinang: Tesis Ijazah Doktor Falsafah. USM*.
- Salam, N. Z. M. A., Dahalan, H. M., & Wahab, N. A. (2021a). Aplikasi Keadilan Restoratif Dan Hukuman Rehabilitasi Dalam Prosiding Jenayah Syariah.
- Salam, N. Z. M. A., Wahab, N. A., & Dahalan, H. M. (2021b). Membumikan Perundangan Jenayah Syariah Melalui Hukuman Khidmat Masyarakat.
- Rashid, A. M., Hamid, N. A. A., & Bakar, N. H. (2015). Krisis Akhlak: Penguatkuasaan Undang-Undang Sebagai Benteng Menanganinya. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 2(1), 1-18.

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91)

Akta Mahkamah Rendah 1948 (Akta 92)

Akta Mahkamah Syariah (Bidangkuasa) 1965 Pindaan 1988 (Akta 355)

Akta Kehadiran Wajib Pesalah-pesalah 1954 (Akta 461)

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam (Negeri Selangor) 2003

Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003

Garis Panduan Perintah Kehadiran Wajib (PKW) Pesalah Syariah

Perlembagaan Persekutuan